

14/12/1999

Media asing gusar hasrat tidak tercapai

"NAMPAKNYA mata anda di belakang kepala, bukan di depan," demikian jawapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika menjawab pertanyaan seorang wartawan asing pada sidang akhbar mengenai susunan Kabinet baru, Jumaat lalu.

Jawapan itu menjelaskan lagi prasangka dan agenda media asing terhadap sesebuah negara lain yang tidak mengikut kehendak dan telunjuk mereka.

Wartawan asing itu pada mulanya bertanya mengenai apa yang disifatkan sebagai tiada kecenderungan ke arah reformasi politik dalam susunan Kabinet baru kerana bertambahnya undi pembangkang.

Menurut Dr Mahathir, Malaysia lebih menghayati kebebasan berpolitik daripada kebanyakan negara termasuk Amerika Syarikat dan Eropah yang polisinya bertindak kasar terhadap penunjuk perasaan.

"Mereka memukul orang yang mengambil bahagian dalam tunjuk perasaan, kami tidak.

"Saudara tentu tidak menyiarkan berita itu kerana ia sebahagian daripada kebebasan akhbar yang saudara hayati. Bagi saudara memansuhkan sesuatu yang tidak diingini juga adalah kebebasan akhbar.

"Saya tidak menduga akhbar asing akan memahami hal kami kerana mereka ada agenda sendiri, malah mereka ikut campur tangan dalam kempen kami dengan menyokong orang yang melakukan pelbagai perkara aneh."

Menurut Dr Mahathir lagi, kebebasan berpolitik di Malaysia terbukti apabila Pas berjaya menawan Terengganu.

Namun laporan, komentar dan analisis demi analisis sebilangan media asing tetap memperlihatkan prasangka mereka. Satu hakikat yang tidak mahu diterima ialah kegagalan pembangkang iaitu Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) mencapai matlamat utama mereka menafikan Barisan Nasional mendapat (BN) lebih majoriti dua pertiga di Parlimen.

Seperti termaklum matlamat itu berulang-ulang dilaungkan sebelum pilihan raya. Beberapa hal lain tidak dihuraikan dalam laporan media asing seperti:

- * Tewasnya tiga tokoh utama DAP iaitu Lim Kit Siang, Dr Chen Man Hin dan Karpal Singh. Bagi mereka tiada lagi kerusi sama ada di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk diduduki.

- * Daripada 47 calon DAP, hanya 10 calon menang.

- * Keadilan meletakkan 59 calon Parlimen, hanya lima calon menang.

- * Pas meletakkan 63 calon Parlimen, hanya 27 calon menang. Pas juga menawan Terengganu selepas 38 tahun ditadbir BN.

- * Parti Rakyat meletakkan empat calon Parlimen dan semuanya tewas.

Dalam pada itu beberapa menteri dan timbalan menteri tewas. "Ada menang, ada kalah," Dr Mahathir menyebut selepas tamat kiraan undi.

Sebelum ini media asing gagal dalam usaha mereka menyokong gerakan reformasi di Indonesia. Calon yang mendukung reformasi di negara jiran itu gagal sama sekali.

Agenda media asing itu bagaimanapun, tetap berterusan demi kepentingan jangka panjang mereka. Tujuan mereka ialah menabur rasa tidak puas hati, mencetus perselisihan dan melakukan adu-domba.

Segalanya bertentangan dengan usaha kita untuk memupuk sikap saling mengerti dan persefahaman dalam masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya.

(END)

